

**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN EDUCATION  
(IJMOE)**[www.gaexcellence.com/ijmoe](http://www.gaexcellence.com/ijmoe)**PENGHASILAN KARYA KREATIF BUKU AUDIO: “JULIA  
AND NYONYA LAKSA” DALAM BAHASA INGGERIS-  
JERMAN***PRODUCTION OF A CREATIVE AUDIO BOOK: “JULIA AND NYONYA  
LAKSA” IN ENGLISH - GERMAN*

Nor Ili Ahmad Tajuddin<sup>1</sup>, Robe'ah Yusuf<sup>2\*</sup>, Nor Yazidah Yahya<sup>3</sup>, Ariza Abdullah<sup>4</sup>, Norhana Md. Salleh<sup>5</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia



[norili@upsi.edu.my](mailto:norili@upsi.edu.my)



<https://orcid.org/0009-0004-1350-3077>

<sup>2</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia



[robe\\_ah@fbk.upsi.edu.my](mailto:robe_ah@fbk.upsi.edu.my)



<https://orcid.org/0009-0005-0279-1250>

<sup>3</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia



[yazidah@fbk.upsi.edu.my](mailto:yazidah@fbk.upsi.edu.my)



<https://orcid.org/0009-0001-5715-5148>

<sup>4</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia



[ariza@fbk.upsi.edu.my](mailto:ariza@fbk.upsi.edu.my)



<https://orcid.org/0000-0002-5247-8044>

<sup>5</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia



[norhana@fbk.upsi.edu.my](mailto:norhana@fbk.upsi.edu.my)



<https://orcid.org/0009-0005-7678-9460>

\*Corresponding Author

**Article Info:****Article history:**

Received date: 14.05.2025

Revised date: 25.05.2025

Accepted date: 27.04.2026

Published date: 09.06.2026

**Abstrak:**

Artikel ini membincangkan kaedah penghasilan bahan bantu mengajar (BBM) berbentuk buku audio dwibahasa berjudul Julia and Nyonya Laksa yang ditulis dalam bahasa Inggeris dan Jerman. Buku ini direka khusus untuk pelajar yang sedang mempelajari bahasa asing dengan pendekatan integrasi teks dan audio. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian pembangunan (developmental research) yang melibatkan fasa reka bentuk kandungan, rakaman audio dan ujian keberkesanan dalam konteks pembelajaran. Hasil kajian menunjukkan bahawa

**To cite this document:**

Tajuddin, N. I. A., Yusuf, R., Yahya, N. Y., Abdullah, A., & Salleh, N. M. (2026). Penghasilan Karya Kreatif Buku Audio: Julia and Nyonya Laksa Dalam Bahasa Inggris-Jerman. *International Journal of Modern Education*, 8(30), 66-74.

DOI: 10.35631/IJMOE.830005

penggunaan buku audio dwibahasa dapat meningkatkan pemahaman kosa kata, tatabahasa dan sebutan pelajar. Sorotan literatur turut mengetengahkan keperluan inovasi BBM terkini yang menekankan unsur interaktif, visual dan pendigitalan bahan. aspek utama sesebuah kertas kerja. Abstrak hendaklah merangkumkan secara padat tujuan kajian, kaedah yang digunakan, dapatan utama, serta kesimpulan kajian.

**Kata Kunci:**

Bahan Bantu Mengajar, Bahasa Asing, Dwibahasa, Kreatif, Karya Tempatan

**Abstract:**

This article discusses the method of producing a bilingual audio book as a teaching aid titled Julia and Nyonya Laksa, written in English and German. The book is specifically designed for students learning a foreign language through an integrated text-and-audio approach. This study employs a developmental research design involving the phases of content design, audio recording, and effectiveness testing within a learning context. The findings indicate that the use of a bilingual audio book can enhance students' vocabulary comprehension, grammar, and pronunciation. The literature review also highlights the need for innovation in contemporary teaching aids that emphasize interactive elements, visual features, and the digitalization of materials.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact [ijmoe@gaexcellence.com](mailto:ijmoe@gaexcellence.com)

**Keyword:**

Bilingual, Creative, Foreign Language, Local Works, Teaching Aids

**Pendahuluan**

Pengajaran bahasa asing menuntut penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang bukan sahaja bersifat autentik, malah berupaya merangsang pelbagai deria pelajar melalui pendekatan multisensori. Dalam konteks pembelajaran bahasa Jerman sebagai bahasa asing di Malaysia, terdapat keperluan yang mendesak untuk membangunkan BBM yang lebih dekat dengan pengalaman dan budaya tempatan, namun disampaikan dalam format yang memudahkan pelajar memahami makna serta menguasai sebutan bahasa sasaran. Cabaran pengajaran dan pembelajaran bahasa asing pada abad ke-21 semakin kompleks, selari dengan perubahan profil pelajar yang terdiri daripada generasi digital. Pendekatan konvensional yang berfokus kepada hafalan dan terjemahan semata-mata dilihat semakin kurang relevan dan kurang berkesan dalam memenuhi keperluan pembelajaran masa kini.

Sehubungan itu, para pendidik disarankan untuk menghasilkan BBM yang bersifat kontekstual, kreatif dan berteraskan integrasi teknologi bagi menyokong pelbagai gaya pembelajaran. Berasaskan keperluan tersebut, penghasilan buku audio dwibahasa Julia and Nyonya Laksa (Rajah 1) dalam bahasa Inggeris dan Jerman bertujuan menyediakan bahan bacaan ringan yang autentik, kontekstual dan disokong oleh rakaman audio berkualiti tinggi. Buku ini berlatarkan budaya Baba Nyonya di Melaka dan memfokuskan kepada hidangan tempatan yang terkenal iaitu “laksa” sebagai medium penceritaan dan pembelajaran bahasa.

Pendekatan ini selari dengan dapatan kajian terdahulu yang menekankan kepentingan penggunaan bahan pembelajaran yang berunsur budaya dan kontekstual dalam pengajaran bahasa asing bagi meningkatkan kefahaman, penglibatan dan motivasi pelajar (Hashim, Yunus & Embi, 2018; Low & Neo, 2016). Inovasi buku audio dwibahasa ini menggabungkan elemen teks, audio dan budaya tempatan bagi membolehkan pelajar mempelajari bahasa sasaran secara lebih semula jadi, bermakna dan berkesan. Penulisan ini membincangkan aspek-aspek berikut:

- i. Pembangunan buku audio dwibahasa bertemakan budaya tempatan;
- ii. Perincian fasa-fasa penghasilan buku audio dwibahasa; dan
- iii. Penghuraian dapatan soal selidik dalam fasa penilaian awal.



**Rajah 1: Muka Hadapan Buku Audio *Julia Und Nyonya Laksa***

karya Nor Ili Ahmad Tajuddin dan Robe'ah Yusuf (2024).

Diterjemahkan oleh Remesh Dayanandan (Hak Cipta Terpelihara)

## Sorotan Literatur

Terdapat pelbagai kajian terdahulu yang membincangkan penggunaan buku audio sebagai bahan bantu mengajar (BBM) dalam konteks pembelajaran bahasa asing. Hal ini menunjukkan kepentingan integrasi elemen audio, visual, budaya dan interaktif dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Rasinski et al. (2011) menekankan bahawa bahan audio dapat memperbaiki intonasi, sebutan dan kelancaran membaca pelajar. Manakala Drajadi dan Yusof (2022) mendapati tahap motivasi serta penguasaan kosa kata pelajar meningkat apabila terdedah kepada BBM audio-visual. Pendekatan multimodal yang dikemukakan oleh Jewitt (2009) menekankan penggabungan teks, gambar dan bunyi dalam satu platform sebagai strategi untuk meningkatkan keberkesanan komunikasi dan pembelajaran.

Selain itu, elemen gamifikasi yang diperkenalkan oleh Zainuddin et al. (2021) membuktikan bahawa integrasi mekanisme permainan dalam BBM dapat meningkatkan daya tarikan dan penglibatan pelajar.

Dalam konteks budaya, Hassan dan Lee (2020) menegaskan bahawa BBM yang berasaskan warisan tempatan mengukuhkan penguasaan bahasa, motivasi pelajar serta pemahaman antara budaya. Hal ini selaras dengan keperluan pembelajaran bahasa yang bermakna.

Prinsip multimedia dan modaliti Mayer (2009) serta Dual Coding Theory Paivio (1971) menyokong keberkesanan pendekatan yang menggabungkan visual dan audio. Kaedah ini menekankan bahawa persembahan maklumat secara serentak dalam bentuk teks dan suara mempertingkatkan pemprosesan kognitif pelajar. Sadiku (2015) menegaskan bahawa integrasi bahan audio-visual yang kontekstual secara langsung mempengaruhi keberkesanan pembelajaran bahasa.

Kajian lalu juga menunjukkan bahawa naratif atau cerita dapat merangsang emosi pelajar dan menyediakan input bahasa yang signifikan (Tomlinson, 2011; Rixon, 2013). Puspitasari et al. (2020) dan Ismail et al. (2017) menambah bahawa kisah tempatan atau unsur warisan budaya bukan sahaja memperkukuh jati diri pelajar, malah memudahkan pemahaman kosa kata dan struktur linguistik. Dari perspektif pedagogi, Vygotsky (1978) menekankan peranan konteks sosial dalam pembelajaran yang membolehkan BBM seperti Nyonya Laksa dengan latar budaya Baba Nyonya dan hidangan tradisional bukan sahaja menyampaikan kandungan linguistik tetapi juga membina hubungan budaya yang signifikan. Zaid (2019) mengukuhkan idea ini dengan menekankan bahawa bahan yang kontekstual dan relevan dengan pengalaman pelajar menghasilkan impak pembelajaran yang lebih mendalam.

Peranan teknologi dalam penghasilan BBM turut mendapat perhatian dalam penulisan ini. Yunus, Salehi dan Amini (2016), mencadangkan penggunaan teknologi digital secara menyeluruh bagi menghasilkan bahan yang autentik dan menarik. Manakala Rashid dan Ibrahim (2018), membuktikan penggunaan kod QR dalam BBM membolehkan pelajar mengakses rakaman audio secara sendiri dan fleksibel. Bahan interaktif self-paced yang ditunjukkan oleh Wang dan Vásquez (2012) serta Brett (1997) membolehkan pelajar mengulang dengar dan memahami struktur bahasa dengan lebih efektif. Selain itu, Gilakjani dan Sabouri (2016) menunjukkan rakaman audio meningkatkan ketepatan sebutan dan kefahaman dan intonasi. Sementara itu, Huang dan Eskey (2000) menegaskan bahawa aktiviti mendengar yang terancang menyokong penguasaan struktur ayat. Kabilan dan Subramaniam

(2020) pula menegaskan bahawa pendedahan kepada bahan audio-visual meningkatkan motivasi serta sikap positif pelajar terhadap pembelajaran bahasa asing.

Secara sintesis, kajian-kajian terdahulu menekankan bahawa keberkesanan pembelajaran bahasa bergantung kepada integrasi multimodal, kontekstual dan berunsur budaya. Oleh itu, penghasilan buku audio dwibahasa Julia and Nyonya Laksa bukan sahaja sejajar dengan dapatan penyelidikan semasa, malah berperanan sebagai inovasi pedagogi yang memenuhi keperluan, ciri dan gaya pembelajaran pelajar digital abad ke-21. Buku ini menggabungkan elemen teks, audio, budaya tempatan dan teknologi untuk menyediakan pengalaman pembelajaran bahasa yang bermakna, autentik dan interaktif.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan reka bentuk pembangunan (design and development research) yang menekankan proses pembinaan dan penilaian bahan bantu mengajar (BBM) berasaskan audio dwibahasa secara sistematik.

Pendekatan ini membolehkan penyelidik menilai kesesuaian, keberkesanan dan kefungsihan bahan secara empirikal serta berstruktur yang selaras dengan cadangan Richey dan Klein (2007). Reka bentuk kajian ini dilaksanakan melalui tiga fasa utama.

Fasa pertama ialah reka bentuk kandungan dengan cara mencipta teks cerita asal dalam bahasa Inggeris diterjemahkan ke bahasa Jerman oleh tenaga pengajar berpengalaman dengan fokus kepada dialog dan naratif menggunakan struktur ayat yang mudah dan kosa kata asas. Fasa kedua melibatkan rakaman audio bagi kedua-dua versi bahasa yang disunting dan diselaraskan menggunakan perisian Audacity dan Canva Video Editor bagi memastikan kualiti audio dan konsistensi penyampaian. Fasa ketiga adalah penilaian awal yang melibatkan 20 pelajar universiti dalam kursus bahasa Jerman tahap A1. Penyelidik menggunakan soal selidik dan aktiviti mendengar untuk menilai kefahaman, penguasaan kosa kata dan penghayatan sebutan. Keseluruhan proses penghasilan karya ini mengikuti enam Langkah iaitu perancangan dan penulisan, terjemahan dan penyuntingan, reka bentuk visual buku, rakaman audio, integrasi teks dan audio serta penilaian awal.

Penghasilan buku audio dwibahasa ini disokong oleh gabungan beberapa teori yang relevan dalam konteks pedagogi bahasa asing. Dual Coding Theory (Paivio, 1971) yang menyokong penggunaan saluran visual dan verbal secara serentak. Pelaksanaan ini membolehkan pelajar mengaitkan makna perkataan melalui bunyi dan imej. Teori Sosiokultural (Vygotsky, 1978) menekankan kepentingan konteks sosial dan budaya dalam proses pembelajaran yang relevan dengan penggunaan naratif dan elemen budaya tempatan dalam buku ini. Seterusnya, Multimedia Learning Theory (Mayer, 2009) menekankan prinsip *redundancy*, *coherence* dan *modality* bagi memastikan bahan pembelajaran tidak berlebihan, jelas dan memaksimumkan pemprosesan kognitif pelajar (Yoder Wise, 2015). Selain itu, pendekatan Task-Based Language Teaching (Nunan, 2004) menekankan penggunaan bahan ini sebagai medium pembelajaran berasaskan tugasan sebenar dengan tujuan meningkatkan penggunaan bahasa secara aktif, kontekstual dan bermakna.

Secara keseluruhan, integrasi pendekatan pembangunan dan gabungan teori ini bukan sahaja menyokong penghasilan BBM yang sistematik dan berkesan tetapi juga memastikan bahawa buku audio dwibahasa Julia and Nyonya Laksa dapat memenuhi keperluan pelajar digital moden di samping menekankan elemen linguistik, budaya dan teknologi secara holistik.

### **Dapatan dan Perbincangan**

Pendekatan reka bentuk pembangunan (design and development research) yang dipadukan dengan teori pembelajaran moden telah berjaya menghasilkan bahan bantu mengajar (BBM) buku audio dwibahasa Julia and Nyonya Laksa yang kontekstual, autentik dan disesuaikan dengan keperluan pelajar generasi digital masa kini. Bahan ini bukan sahaja menyediakan sumber pembelajaran bahasa yang berstruktur tetapi juga turut mengintegrasikan elemen budaya tempatan, teknologi interaktif dan multimodal. Hal ini sekali gus mewujudkan pengalaman pembelajaran yang bermakna dan berkesan.

Melalui fasa penilaian awal yang melibatkan 20 pelajar universiti yang mengikuti kursus bahasa Jerman peringkat A1, beberapa tema utama dapat dikenal pasti yang mencerminkan penerimaan positif terhadap kandungan dan format audio-visual buku ini.

Majoriti responden menunjukkan minat yang tinggi terhadap bahan bacaan bertemakan budaya tempatan. Manakala tiga versi rakaman audio yang disediakan membolehkan pelajar memilih gaya pembelajaran yang paling sesuai dengan keperluan individu mereka. Hal ini sekali gus meningkatkan tahap penglibatan dan motivasi pembelajaran.

Selain itu, rakaman audio yang dilakukan oleh penyelidik dengan bantuan tenaga pengajar bahasa Jerman yang berpengalaman terbukti membantu pelajar memperbaiki sebutan dan meningkatkan kefahaman terhadap intonasi bahasa Jerman. Keberkesanan ini selari dengan prinsip Teori Pembelajaran Multimedia (Mayer, 2009) yang menekankan integrasi elemen audio dan visual untuk mengoptimalkan pemprosesan maklumat dan mengurangkan beban kognitif.

Penggunaan kod QR dalam fail PDF interaktif membolehkan pelajar mengakses rakaman audio secara sendiri telah memperkukuh konsep Dual Coding Theory (Paivio, 1971) bagaimana maklumat boleh disampaikan melalui saluran visual dan verbal secara serentak. Menerusi pendekatan ini pelajar dapat mengenal pasti struktur ayat, memahami konteks linguistik dan menguasai kosa kata baharu dengan lebih pantas dan tepat di samping dapat meningkatkan keyakinan diri dalam penggunaan bahasa.

Dari perspektif pedagogi, pendekatan Task-Based Language Teaching (TBLT) membuktikan bahawa BBM ini bukan sahaja berkesan untuk pembelajaran pasif tetapi juga memupuk penggunaan bahasa secara aktif (Yilmaz, 2016). Kajian awal menunjukkan bahawa pelajar cenderung menggunakan buku audio ini dalam aktiviti seperti bercerita semula, perbincangan kumpulan, dan lakonan semula yang menunjukkan bahawa aktiviti ini menyokong pengukuhan kemahiran komunikasi dan membina kemahiran pragmatik dalam bahasa sasaran. Tambahan pula, elemen budaya yang diselitkan dalam naratif buku ini membantu pelajar memahami bahasa dalam konteks sosial dan budaya sebenar, sekaligus meningkatkan apresiasi terhadap warisan tempatan. Hal ini sejajar dengan prinsip Teori Sosiokultural Vygotsky (1978) yang menekankan bahawa pembelajaran bahasa yang efektif berlaku apabila dikaitkan dengan interaksi sosial dan konteks budaya apabila pelajar bukan sahaja mempelajari bentuk linguistik

tetapi juga makna dan nilai budaya yang tersirat. Elemen budaya yang diterapkan ini pula merangsang daya kognitif dalam penghafalan kosa kata baharu (Zipes, 2012).

## Penutup

Secara keseluruhannya, penghasilan buku audio dwibahasa Julia and Nyonya Laksa menunjukkan impak pedagogi yang signifikan dari pelbagai aspek seperti meningkatkan motivasi, kemahiran mendengar, sebutan, kefahaman kosa kata dan struktur ayat. Pelaksanaan pembelajaran menerusi kaedah ini juga mampu merangsang dan membuatkan pelajar mempunyai kesedaran terhadap persekitaran, lebih peka serta menghargai budaya. Inovasi ini menekankan bahawa BBM yang bersifat interaktif, kontekstual dan multimodal bukan sahaja relevan dengan ciri pelajar abad ke-21 tetapi juga mampu menjadi model pembelajaran bahasa asing yang holistik dan berkesan.

Hasil kajian ini membuktikan bahawa integrasi antara reka bentuk pembangunan, teori pembelajaran moden dan penerapan elemen budaya dapat menghasilkan bahan pembelajaran yang bukan sahaja akademik tetapi juga memupuk pengalaman pembelajaran yang bermakna dan berterusan.

- 
- Penghargaan:** Para penyelidik ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Akademi Bahasa Antarabangsa (AKAR), Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana mengizinkan kutipan data dilaksanakan dalam kalangan pelajar bahasa Jerman iaitu BGK3112, BGK3122 dan BGK3132.
- Pernyataan Pembiayaan:** Penyelidikan ini tidak menerima sebarang sokongan kewangan daripada mana-mana pihak namun menerima sokongan daripada Akademi Bahasa Antarabangsa (AKAR), Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris dari segi kemudahan penggunaan makmal dan fasiliti lain berkaitan terbitan ini. Pihak AKAR tidak terlibat dalam reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis, tafsiran hasil atau keputusan untuk menerbitkan manuskrip ini.
- Pernyataan Konflik Kepentingan:** Para penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan makalah ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan meluluskan versi akhir manuskrip untuk dihantar ke International Journal Of Modern Education (IJMOE).
- Pernyataan Etika:** Kajian ini tidak melibatkan sebarang peserta manusia, haiwan atau data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Para penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan standard penerbitan beretika yang diterima.
- Pernyataan Sumbangan Penulis:** Semua penulis telah memberikan sumbangan yang signifikan dalam pembangunan manuskrip ini. Para penulis terlibat dalam pengkonsepsian kajian, sorotan literatur, pengumpulan data, analisis data serta pentafsiran dapatan kajian. Mereka juga mengambil bahagian dalam penulisan, semakan dan penambahbaikan manuskrip. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip untuk penerbitan.
-

## Rujukan

- Bakar, N., Abdullah, A., & Othman, H. (2020). Enhancing ESL learners' listening skill through multimedia. *Journal of Language Teaching*, 11(1), 30–45.
- Hashim, H., Yunus, M. M., & Embi, M. A. (2018). *Digital storytelling in enhancing language learning*. *Creative Education*, 9(3), 123–135.
- Harun, H., & Ismail, H. (2015). The use of authentic materials in ESL classrooms. *Asian Journal of Education and e-Learning*, 3(1), 23–30.
- Ismail, H., Mahat, H., & Hassan, M. (2017). Penggunaan bahan bantu mengajar berunsur budaya tempatan dalam pengajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 15–26.
- Kabilan, M. K., & Subramaniam, G. (2020). *Literature in the language classroom: Theory and practice*. *The English Teacher*, 49(2), 88–103.
- Low, C. H., & Neo, M. (2016). Developing a narrative-based learning system. *Turkish Online Journal of Educational Technology*, 15(2), 35–45.
- Mayer, R. E. (2009). *Multimedia learning* (2nd ed.). Cambridge University Press.
- Norazah, M. N., & Marzilah, N. S. (2019). Cultural-based materials for ESL learners. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(1), 85–103.
- Norazian, R., & Fazlina, A. R. (2022). Interaktif dan teknologi dalam pembangunan bahasa asing. *Jurnal Teknologi Pendidikan*, 12(1), 45–59.
- Nunan, D. (2004). *Task-based language teaching*. Cambridge University Press. Paivio, A. (1971). Imagery and verbal processes. Holt, Rinehart & Winston.
- Puspitasari, D., Rahman, F., & Kurniawan, D. (2020). Audio-based learning model in teaching listening. *Language Circle: Journal of Language and Literature*, 14(2), 173–180.
- Rashid, R. A., & Ibrahim, N. A. (2018). Integrating QR codes in teaching and learning. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(1), 389–398.
- Rixon, S. (2013). *Storytelling in language classrooms*. Oxford University Press.
- Sadiku, L. M. (2015). The importance of four skills: Reading, speaking, writing, listening in a lesson hour. *European Journal of Language and Literature*, 1(1), 29–31.
- Siew, P. H., & Chan, C. L. (2021). Perception of digital learning resources. *Journal of Educational Multimedia and Hypermedia*, 30(4), 425–441.
- Teo, Y. H., & Neo, M. (2014). Interactive multimedia learning: Using a digital storytelling approach. *Turkish Online Journal of Educational Technology*, 13(4), 87–96.
- Tomlinson, B. (2011). *Materials development in language teaching* (2nd ed.). Cambridge University Press.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University Press.
- Wahab, R. A., Manaf, N. F., & Zainuddin, N. (2019). Bahasa dan budaya dalam bahan pembelajaran. *Jurnal Pengajian Bahasa*, 7(2), 33–49.
- Wulandari, E. (2020). Humour and culture in language teaching. *International Journal of Language Education*, 4(3), 76–8.
- Yilmaz, Y. (2016). The role of storytelling in language teaching. *Journal of Language and Linguistic Studies*, 12(2), 95–106.
- Yoder-Wise, P.S. (2015). Using storytelling to enhance communication and learning. *Nurse Educator*, 40(3), 123–125.
- Zipes, J. (2012). *The irresistible fairy tale: The cultural and social history of a genre*. Princeton University Press.